

## LATIHAN SINTAKSIS

Taman Negara Kuala Tahan, Pahang antara hutan simpan yang paling tua di dunia. Usianya lebih tua daripada hutan hujan tropika Amazon di Brazil. Selain pengunjung tempatan, taman negara ini sering menjadi pilihan pelancong asing seperti Belanda, Jerman, Perancis dan Itali sebagai sebagai destinasi percutian mereka. Mereka ke sini sekitar Julai hingga Ogos, iaitu ketika musim panas di Eropah. Aktiviti yang menanti pengunjung ialah aktiviti merentas hutan, menelusuri sungai dan berkelah di Lata Berkoh. Dalam perjalanan ke Lata Berkoh, penulis singgah sebentar di tebing Sungai Tahan untuk melihat pokok tualang bersaiz gergasi yang dipercayai berusia 700 tahun.

(Dipetik dan diubah suai daripada "Destinasi Ekopelancongan Terbaik" oleh Zubir Mohd Yunus, *Berita Hatian Online*, 12 Januari 2019)

Berdasarkan petikan di atas , terdapat 6 ayat yang perlu dianalisis.

1. Kenal pasti subjek dan predikat (12 markah)
2. Nyatakan pola ayat-ayat (6 markah)
  - Frasa Nama + Frasa Nama (FN+FN)
  - Frasa Nama + Frasa Kerja (FN+FK)
  - Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN+FSN)
  - Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN+FA)
3. Songsangkan ayat-ayat tersebut dengan betul. (6 markah)